

•MAU'IZAH•

مَعِيزَةٍ

BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik..."

(Surah an-Nahl:125)



مَوْعِظَةٌ



Excellence



Ser

Efficiency

Reliability

Pendahuluan

Dalam Islam nilai dikategorikan sebagai satu perkara yang sangat penting. Ia boleh ditafsirkan sebagai kerangka pemikiran, akhlak, sikap, etika, budaya dan pelbagai maksud lain yang bermatlamat untuk melahirkan insan yang terpuji. Untuk mencapainya seseorang itu perlu mengetahui, memahami serta menghayati setiap elemen nilai khususnya yang terkandung di dalam al-Quran. UiTM juga tidak ketinggalan dalam usaha memastikan warganya menerapkan nilai-nilai terpuji yang antaranya kecemerlangan, sinergi dan integriti.

Definisi

Kecemerlangan	Sinergi	Integriti
<ul style="list-style-type: none">• Merupakan cerminan kebersamaan, komitmen padu, semangat yang jitu dan komunikasi yang efektif dalam menghasilkan solusi yang terbaik	<ul style="list-style-type: none">• Merujuk kepada komunikasi dan kerjasama yang efektif	<ul style="list-style-type: none">• Merupakan nilai utama dalam komponan akhlak (etika) iaitu melibatkan ketelusan, menjaga kerahsiaan, kepatuhan kepada peraturan

Kecemerlangan

قَدْ أَفْلَحَ اللَّهُمَّ مُؤْمِنَوْنَ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ حَشِعُونَ وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ
الْلَّغْوِ مُعْرِضُونَ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوْةِ فَاعْلَوْنَ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ
حَافِظُونَ إِلَّا عَلَىٰ أَرْزَاقِهِمْ أَوْ مَا مَلَكُوتُ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ
فَمَنِ ابْتَغَىٰ وَرَاءَهُ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْعَادُونَ وَالَّذِينَ هُمْ لَا مَنْتَهِيهِمْ
وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَواتِهِمْ يُحَافِظُونَ أُولَئِكَ هُمُ الْوَرِثُونَ

Maksudnya : Sesungguhnya berjayaalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya, dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia, dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu), dan mereka yang menjaga kehormatannya, kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela, Kemudian, sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka mereka lah orang-orang yang melampaui batas, dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya, dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya. Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi

al-Mukminun : 1-10



Sinergi

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُوَّانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ[ۚ]
إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Bermaksud: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebijakan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

al-maidah : 2

Integriti

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَئْتَيْنَاهُنَّا
وَأَشْفَقْنَاهُنَّا وَحَمَلَهَا إِلَيْنَسْنُ إِنَّهُ دُكَانٌ ظَلُومًا جَهُولًا

Bermaksud: Sesungguhnya kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada persediaan untuk mereka memikulnya); dan (pada Ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula melakukan perkara yang tidak patut dikerjakan.

al-Ahzab : 72

Konsep

Konsep kecemerlangan



Konsep sinergi



Setiap mukmin adalah bersaudara, yang diumpamakan seperti satu tubuh badan



Hubungan akrab sesama saudara ini di gambaran seperti salah satu anggota kita sakit seperti gigi sakit, seluruh anggota turut menanggung kesusahan



Saling bantu membantu untuk membuat kebaikan dan kebaikan, dan menolak untuk saling membantu pada perkara dosa (maksiat) dan pencerobohan

Konsep Integriti

- 
- Niat yang positif
 - Mencari Inisiatif yang terbaik
 - Komit dengan setiap tugas
 - Mempraktikkan akhlak dan amalan terpuji

Kesimpulan

Nilai seorang muslim diukur menerusi amalan soleh yang dilakukan dengan bersandarkan al-Quran dan al-Sunnah. Menerusi penghayatan amalan soleh, seharusnya diterjemahkan dalam pengurusan organisasi dan merencanakan Nilai ESI (*Excellence, Synergy, dan Integrity*) yang diterapkan oleh universiti.

Nilai yang diterapkan ini merupakan intipati utama dalam membuat keputusan dan tindakan. Nilai - nilai ini merupakan batu asas kepada penghasilan produktiviti, usaha penambahbaikan yang berterusan seterusnya menyumbang kepada kelestarian kehidupan.

Sebagai warga UiTM sewajarnya berganding bahu bersama-sama menghayati konsep Nilai ESI hingga mengakar umbi dalam jiwa dan sentiasa bekerjasama membangun UiTM hingga mampu melonjak ke arah “menyerlahkan potensi, membentuk masa hadapan”.

مَوْعِظَةٌ



**KERJA SATU
TUNTUTAN IBADAH**

KERJA SEBAGAI TUNTUTAN IBADAH



Pendahuluan

Manusia memerlukan pekerjaan sama ada bekerja sendiri atau makan gaji bagi meneruskan kelangsungan hidup untuk menara diri, keluarga atau tanggungan

Sebagai seorang muslim kerja yang hendak dilakukan perlulah bersandarkan kepada panduan yang telah ditetapkan oleh syarak

Bekerja bukan sahaja bertujuan untuk memperoleh wang semata-mata tetapi yang lebih utama adalah ia merupakan salah satu dari tuntutan ibadah

Amatlah rugi sekiranya pekerjaan yang dilakukan tidak melayakkan diri untuk memperolehi keberkatan Allah SWT



Definisi



Kerja bermaksud: usaha yang dilakukan oleh manusia bagi mendapatkan upah atau ganjaran

Ibadah bermaksud: menyerah diri kepada Allah SWT dengan melaksanakan kepatuhan dan ketaatan kepada kekuasaan Allah SWT

Kerja sebagai ibadah bermaksud: Tugas atau tanggungjawab yang dilaksanakan untuk meraih pendapatan dan keredaan Allah SWT

Dalil

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ ۚ وَسَتُرَدُونَ إِلَى

عَلِيمٍ الْغَيْبِ وَالشَّهَدَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Bermaksud : Katakanlah wahai Muhammad: Beramallah kamu (akan segala yang di perintahkan), maka Allah dan Rasulnya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian dia memberitahu kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.

al-Taubah : 105

فَإِذَا قُضِيَتِ الْصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَإِذْ كُرُوا

اللَّهُ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Bermaksud: Kemudian setelah selesai solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah limpah kurniaan Allah, serta ingatlah Allah sebanyak banyaknya (dalam setiap keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan akhirat)

al-Jum'ah : 10

Konsep Kerja Sebagai Ibadah



**Kenapa kita
perlu
bekerja?**

-  Tuntutan dalam Islam
-  Salah satu proses untuk mendapat rezeki kurniaan Allah SWT
-  Sebagai mekanisme memakmurkan dunia, di samping tuntutan kelangsungan kehidupan

Ciri-ciri kerja yang dinilai sebagai ibadah

- Niat ikhlas kerana Allah SWT
- Pekerjaan halal dan baik yang tidak bertentangan dengan syarak
- Pendapatan dari sumber yang halal
- Amanah dan bertanggungjawab
- Tidak meninggalkan perkara wajib
- Meninggalkan perkara haram dan syubhah

Kesan kerja yang dinilai sebagai ibadah

Dikurniakan dengan ganjaran pahala

Mengelakkan diri daripada perbuatan mungkar

keazaman yang tinggi dan berusaha bersungguh-sungguh

Mendapat balasan kebaikan di dunia berupa harta disamping kepuasan dapat menyelesaikan tugas yang diamanahkan

Kesimpulan

Semua pekerjaan dipandang mulia di sisi Islam selagi mana pekerjaan itu dilaksanakan mengikut aturan syarak. Selain bertujuan untuk memperoleh untung, upah atau gaji, setiap pekerjaan akan menyumbang penjanaan sektor ekonomi seterusnya pembentukan modal insan diri, masyarakat dan negara. Islam memandang hina kepada mereka yang bersikap malas dan hidup hanya mengharapkan belas ihsan orang lain tanpa berusaha bersungguh-sungguh mencari pekerjaan. Kepada mereka yang telah mempunyai pekerjaan pula, sila pastikan melaksanakan pekerjaan atau tugasan dengan penuh amanah.

مُوعِظَةٌ



**INDAHNYA
REZEKI ALLAH**

INDAHNYA REZEKI ALLAH





Pendahuluan

Rezeki merupakan kurniaan Allah SWT yang bukan tertumpu pada wang ringgit atau harta benda semata-mata, bahkan kurniaan zuriat, nikmat kesihatan, kelapangan masa dan ilmu pengetahuan juga merupakan sebahagian dari limpahan rezeki daripada Allah SWT. Apa yang penting kita disarankan untuk bersyukur di atas setiap kurniaan Allah. Namun seringkali manusia lalai dan alpa sehingga menyalahkan takdir apabila diuji tentang rezeki oleh Allah SWT, sedangkan manusia diperintahkan terlebih dahulu supaya berusaha untuk memperoleh rezeki di samping berdoa dan bertawakal.



Definisi

REZEKI:

Segala sesuatu yang dikurniakan oleh Allah untuk keperluan rohani dan jasmani, misal: makanan, ilmu dan sebagainya;

Pendapatan, penghasilan, pencarian (wang dan lain-lain untuk sara hidup);

Peluang untuk beroleh makanan, keuntungan, perolehan dan lain-lain;

Dalil

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ

Maksud: Sesungguhnya Allah Dia lah sahaja Yang Memberi rezeki (kepada sekalian makhlukNya, dan Dia lah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaanNya.

adz-Dzariyat :58


وَمَا مِنْ دَآبَةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقْرَرَهَا

وَمُسْتَوْدَعَهَا كُلُّ فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ

Maksud: Dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh mahfuz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan).

Hud :6

Konsep rezeki

- 
- Allah pemberi rezeki
 - Rezeki Allah sangat banyak dan luas
 - Rezeki telah ditentukan dan merupakan ujian
 - Perlu berusaha untuk mendapatkan rezeki
 - Mencari rezeki merupakan satu tuntutan ibadah
 - Pastikan sumber rezeki halal dan baik
 - Sentiasa bersyukur dengan kurniaan rezeki

Tanda-tanda rezeki diberkati

Hati semakin dekat dengan allah
dan jiwa tenang

Kita mudah memberi sedekah dan
menunaikan zakat

Keluarga harmoni dan anak-anak
cemerlang

Sentiasa merasa cukup dan syukur

Amalan murah rezeki



Kesimpulan

Dalam merealisasikan kehendak dan impian untuk mencari rezeki serta kekayaan, kita merancang pelbagai rencana, dan pelan Tindakan. Pelbagai tindakan bermula dari bekerja lebih masa, membuat perniagaan sampingan sebagainya, semuanya dilakukan dengan tekun dan gigih. Namun, masih ramai yang terlupa merencana ‘diari’ amalan dan ‘agenda’ **takwa**. Dunia seolah-olah didahulukan dan akhirat dikemudiankan. Inilah hakikat kita sebenarnya banyak merancang untuk berjaya dan kaya tetapi sering melupakan Yang Maha Mentadbir dan Yang Maha Kaya. Muhasabah kembali **perancangan takwa**, di samping perancangan harta.

مُؤْعَظَةٌ





TRANSFORMASI MINDA

PENDAHULUAN

Tranformasi atau perubahan merupakan satu aturan dalam hidup dan merupakan komponen paling penting apabila kita ingin mencapai sesuatu kemajuan

-Razinah & Nazlinda



DEFINISI

DEFINISI

TRANSFORMASI

Perubahan bentuk (sifat, rupa, keadaan, dan
lain lain)
(Kamus Dewan Edisi Ke Empat)

MINDA

Akal fikiran, daya berfikir
(Kamus Dewan Edisi Ke Empat)

TRANSFORMASI MINDA

Melakukan perubahan akal fikiran daripada
satu keadaan kepada satu keadaan yang
lebih baik

DALIL

وَهُوَ الَّذِي يُحْيِي وَيُمِيتُ وَلَهُ أَخْتِلَفُ الْأَئِلِيلُ وَالنَّهَارُ أَفَلَا تَعْقِلُونَ

Bermaksud: Dan dia lah yang menghidupkan dan mematikan; dan dia lah yang menentukan pertukaran malam dan siang. Maka tidakkah kamu mahu berfikir?

al Mu'muinun: 80

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْءَانَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ أُخْتِلَافًا كَثِيرًا

Bermaksud: Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi al-quran? Kalaulah al-quran itu (datangnya) bukan dari sisi allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.

an-Nisa': 82

أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبْلِ كَيْفَ خُلِقَتْ

Bermaksud: Mengapa mereka yang kafir masih mengingkari akhirat) tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta bagaimana ia diciptakan?

al-Ghasiyah 17



KEISTIMEWAAN DAN KEMULIAAN AKAL

Membezakan antara manusia dengan makhluk Allah SWT yang lain



Penentu dalam menentukan kebaikan dan keburukan



Akal penentu kebahagian dan kesengsaraan di hari akhirat



Orang yang beraqal diberikan tanggungjawab (taklif)



Membawa kepada perkembangan sains dan teknologi seterusnya membawa kepada keyakinan tentang kewujudan dan keagungan Allah SWT

VIRUS AKAL

- 
- Berilmu tetapi tidak beramal
 - Sikap malas/ ambil mudah setiap perkara
 - Persekutaran yang tidak menggalakkan kebebasan berfikir
 - Berfikir sesuatu yang tidak mendatangkan faedah
 - Sentiasa berfikir akan perkara perkara yang tidak terjadi lagi dengan berlebihan
 - Berfikir perkara yang negatif
 - Berfikir untuk mencari keburukan orang lain

KESIMPULAN

Akal diperlukan untuk memahami, merenungi dan menyimpulkan sesuatu perkara bersandarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Akal juga mempunyai batasan tertentu terutamanya perkara yang melibatkan perkara-



مَوْعِظَةٌ

**ADAB
AL IKHTILAF**

ADAB IKHTILAF



PENDAHULUAN

Ikhtilaf merupakan lumrah kehidupan yang tidak dapat dielakkan bahkan perlu diuruskan dengan beradab dan mengikut ketetapan syarak.



DEFINISI

BAHASA

- Tidak sefaham atau tidak sama dan tidak sependapat. Menurut al-Mu'jam al-Wasit (2004) perkataan al-*Ikhtilaf* adalah kata nama (masdar) dari اختلف yang berasal dari kata dasar خلف yang bererti tidak sepakat.
- Percanggahan. Iaitu bercanggah pandangan antara satu sama lain (Ali Jum'ah : 2007).

ISTILAH

- Maksud Ikhtilaf dari segi istilah ialah perbezaan pandangan, perbezaan pemahaman.
- Al-Jurjani (1984) mendefinisikan Ikhtilaf sebagai : “Perselisihan yang berlaku antara dua pihak yang saling berbeza pendapat dalam usaha mengenal pasti kebenaran atau menentukan kebatilan”
- Al-Roghib (1992) mendefinisikan Ikhtilaf ialah: “Ikhtilaf ialah seseorang mengambil jalan/cara berbeza dari seorang yang lain dalam sesuatu hal atau pandangannya”

DALIL

فَإِنْ تَنَزَّعُتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya: “Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) di dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul-Nya (al-Sunnah) jika kamu benar beriman kepada Allah dan juga hari Akhirat.”

al-Nisa' : 59

Sabda Rasulullah S.A.W :

أُوصِيكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ وَإِنْ عَبْدًا حَبَشِيًّا فَإِنَّهُ مَنْ يَعِيشُ مِنْكُمْ
بَعْدِي فَسَيَرَى احْتِلَاكًا كَثِيرًا فَعَلَيْكُمْ بِسْتُنِّي وَسُنَّةُ الْخُلَفَاءِ الْمَهْدِيَّينَ الرَّاشِدِينَ
مَسَّكُوا بِهَا وَعَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاحِذِ

Maksudnya : “Aku mewasiatkan kepada kamu supaya bertaqwah kepada Allah, dengar dan taat sekalipun ia (datang dari mulut) berbangsa Habsyi. Maka sesungguhnya siapa yang hidup selepasku akan bertebaran perselisihan pandangan yang banyak. Hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah para pemimpin yang diberi petunjuk (Islam), gengamlah seerat-eratnya dan gigitlah ia dengan gigi geraham”

Sunan Abi Daud. No. Hadis : 4607/Musnad Ahmad Ibn Hanbal. No. Hadis : 16890

PERBEZAAN PENDAPAT DARI SUDUT PANDANGAN SYARAK

Perbezaan yang berlaku adalah lumrah di dalam kehidupan

Al-Quran memerintahkan umat Islam menjunjung prinsip keadilan, menjauhi sikap fanatik dan taksub

Sikap taksub sering mengajak manusia berdendam dan berdengki sesama saudara seagama

Tidak semua perkara perlu diperselisihkan

Mengembalikan segala perbezaan dan perselisihan kepada Allah dan Rasul

Berbeza pendapat bukanlah ruang untuk perpecahan

PUNCA TIMBUL PERBALAHAN DALAM BERBEZA PENDAPAT

Fanatik dengan pendapat orang, golongan atau mazhab tertentu

Ego dan mengikuti hawa nafsu

Suka pujian



ADAB BERIKHTILAF

- Ikhlas kerana Allah dalam mencari kebenaran
- Berlapang dada dalam masalah yang diperselisihi
- Tidak mengeluarkan kata-kata kesat
- Menghormati pandangan pihak yang berbeza
- Tidak menuduh pihak yang berbeza itu dengan tuduhan yang jahat seperti sesat dan lain-lain
- Hindari sikap mempopularkan diri, kemasyhuran serta publisiti
- Mengutamakan elemen ukhuwah Islamiah atas segala kepentingan
- Memberikan ruang kepada orang lain mengetengahkan pendapat
- Menghargai segala usaha yang dicurahkan oleh para pendakwah
- Hindari persoalan yang menyebabkan berkonflik, bergaduh dan bercakaran

KESIMPULAN

Dalam kehidupan bermasyarakat, kita tidak boleh lari dari berselisih pendapat antara satu sama lain. Sebagai seorang muslim kita seharusnya meraikan pandangan orang lain selagi mana ia tidak bertentangan dengan syarak. Apabila berlaku perselisihan pandangan, seharusnya merujuk kepada orang yang berkepakaran dalam hal tersebut.

مُوعِظَةٌ



**PANDUAN BERPAKAIAN
MENURUT PERSPEKTIF
ISLAM**



**ETIKA BERPAKAIAN MENURUT
PERSPEKTIF ISLAM**



Pendahuluan

Secara asasnya, Islam tidak menetapkan secara khusus bagaimana bentuk pemakaian bagi seseorang Muslim seperti perlu memakai kain buatan apa, jenis apa, berapa lapisan, warna apa dan sebagainya. Kreativiti dalam pemakaian adalah terserah kepada individu mengikut kesesuaian selagi mana ia tidak melanggar batasan syarak.

Dalil

يَبْيَنِيْ عَادَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُوَارِي سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا ۚ
الْقَفْوَى ذَلِكَ خَيْرٌ ذَلِكَ مِنْ ءَايَتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَكَّرُونَ

Maksudnya: “Hai anak Adam, Sesungguhnya kami Telah menurunkan kepadamu Pakaian untuk menutup auratmu dan Pakaian indah untuk perhiasan. dan Pakaian takwa Itulah yang paling baik. yang demikian itu adalah sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah, Mudah-mudahan mereka selalu ingat”.

Al-A'raf: 26

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبَدِّيْنَ
زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَاهَرَ مِنْهَا وَلَيُضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُبُوبِهِنَّ وَلَا يُبَدِّيْنَ
زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعْوَلَتِهِنَّ

Maksudnya: Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka..

An Nur:31

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّمَّا خَلَقَ ظِلَالًا وَجَعَلَ لَكُم مِّنَ الْجِبَالِ أَكْنَانًا
وَجَعَلَ لَكُم سَرَابِيلَ تَقِيمَكُمْ الْحَرَّ وَسَرَابِيلَ تَقِيمَكُمْ بَأْسَكُمْ كَذَلِكَ
يُتِيمُ نِعْمَتَهُ وَعَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ شُسْلِمُونَ

Maksudnya: Dan Allah menjadikan bagimu tempat bernaung dari apa yang telah Dia ciptakan, dan Dia jadikan bagimu tempat-tempat tinggal di gunung-gunung, dan Dia jadikan bagimu pakaian yang memeliharamu dari panas dan pakaian (baju besi) yang memelihara kamu dalam peperangan. Demikianlah Allah menyempurnakan nikmat-Nya atasmu agar kamu berserah diri (kepada-Nya).

al-Nahl:81



Kenapa perlu menutup aurat?

Untuk menjaga dan memelihara kehormatan, kesopanan, dan maruah diri seseorang.

Menggambarkan bahawa orang Islam sangat patuh dan taat kepada perintah Allah

Untuk membezakan antara keperibadian orang Islam dengan orang bukan Islam

Menghindarkan diri daripada terjerumus ke arah perbuatan Zina

Ciri-ciri pakaian yang ditetapkan syarak

-  Tidak nipis hingga menampakkan aurat
-  Tidak menampakkan bentuk badan
-  Menutup aurat
-  Tidak menarik perhatian orang lain
-  Perhiasan pada baju tidak berlebihan
-  Memakai pakaian yang bersesuaian mengikut jantina
-  Tidak memakai wangian secara berlebihan

Kesimpulan

Etika berpakaian menurut Islam bermatlamat untuk melahirkan masyarakat yang berakhhlak mulia dan patuh kepada perintah Allah SWT, selain dapat mengelak diri dari sebarang fitnah di samping membentuk diri manusia supaya menjadi insan

موعظة



**TARBIYATUL
AULAD**



TARBIYATUL AULAD

PENDAHULUAN

Pendidikan dalam Islam merangkumi pelbagai aspek yang luas. Pendidikan sebagai satu proses pembelajaran sepanjang hayat bermula sebelum manusia dilahirkan (dalam kandungan), usia bayi, kanak-kanak, remaja dan sehingga dewasa.



DEFINISI

BAHASA:

- Al-Ta'dib: Memperadabkan; menjadikan seseorang beradab sopan dan berakhhlak mulia.
- Al-Ta'lim / al-Tadris: Mengajar; menyampaikan ilmu atau pengetahuan.

ISTILAH:

- Sebagai suatu proses formal atau non-formal bagi memupuk seluruh potensi (kebolehan dan keupayaan) secara fitrahnya individu dari segi intelektual ('aqliyyah), fizikal (jasmaniyyah), akhlak (akhlaqiyyah) dan rohani (rohaniyyah) secara sepadu dan seimbang menuju kepada pembentukan insan soleh yang beriman kepada Allah SWT.



DALIL

وَعَلِمَ إِدَمُ الْأَسْمَاءَ لُكَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلِكَةِ فَقَالَ أَئِنِّي
بِإِسْمَاءٍ هُوَلَّا إِنْ كُنْتُمْ صَدِيقِينَ

Maksudnya: Dan ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu ia berfirman: "Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar".

al-Baqarah:31

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَسَنَةِ وَجَدِلُهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۝ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِ ۝ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Bermaksud: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

al Nahl:125

ASPEK PENDIDIKAN KANAK-KANAK

Berikut adalah aspek pendidikan kanak-kanak yang perlu diberi penekanan:



TEKNIK / KADEAH PENDIDIKAN



Memberi nasihat dan bimbingan

Menunjukkan tauladan yang baik

Sentiasa membuat pemerhatian dan pemantauan



KESIMPULAN

Tarbiyah atau pendidikan merupakan suatu pelaburan dan amanah untuk membentuk generasi yang terbaik di samping sebagai penerusan kepada perjuangan Nabi Rasulullah SAW. Generasi yang terdidik dengan didikan yang sempurna dapat membentuk generasi dan negara yang kukuh.



موعظة



PERBEZAAN ANTARA HIBAH & WASIAT



DEFINISI

HIBAH	WASIAT
<ul style="list-style-type: none"> • Hibah perkataan Arab yang berasal daripada kata kerja “wahaba” وَهَبَ yang bermaksud <i>tabarru'</i> شَرَعَ atau pemberian tanpa balasan (al-Jurjani, 1421H: 252) • Hibah dari segi bahasa bermaksud pemberian sama ada dalam bentuk ain atau selainnya • Ibn Manzur mentakrifkan hibah sebagai suatu pemberian yang bukan untuk mendapatkan sebarang balasan dan (tidak juga) mempunyai sebarang tujuan (Ibn Manzur, 2003: 416; Ahmad Rida, 1960: 821) • Merangkumi hadiah dan sedekah 	<ul style="list-style-type: none"> • Kata wasiat (الوصية) diambil dari وصيت الشبيه أصيه أوصلت : ertinya (aku menyampaikan sesuatu) • Orang yang berwasiat disebut <i>al-Mushi</i> (المُوصى) • Dalam al-Quran kata wasiat mempunyai beberapa erti antaranya : <ul style="list-style-type: none"> i. menetapkan, sebagaimana dalam surat al-An'am : 144 (أَمْ كنتم شهداء إِذْ وصَّلْمَ اللَّهُ), ii. memerintahkan sebagai imana dalam surat Luqman: 14, (ووصينا الإنسان بولديه) dan Maryam : 31 (وأوصانى بالصلوة) iii. mensyari'atkan (menetapkan) sebagaimana dalam surat An-Nisa' ayat 12 (وصية من الله)

HIBAH	WASIAT
<p>JUMHUR ULAMA: “Akad yang menyebabkan pemilikan harta tanpa ganti rugi yang dilakukan oleh seseorang dalam keadaan hidup kepada orang lain secara sukarela” (Wahbah Al Zuhaili : 1986)</p> <p>MAZHAB SHAFI'I : “suatu pemberian yang merangkumi</p> <ul style="list-style-type: none"> i. HADIAH (pemberian dengan niat memuliakan seseorang), ii. SEDEKAH (pemberian yang mengharapkan ganjaran Allah S.W.T.) iii. IBRA' (pelepasan hutang oleh pemutang”). <p>ATAU “pemberian suatu milikan oleh seseorang kepada yang lain tanpa balasan tertakluk kepada rukun-rukun tertentu” (Al-Nawawi, 1985)</p>	<p>“Iqrar seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebaikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, selepas dia mati”. (Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999)</p> <p>MAZHAB SYAFIE</p> <p>“ Wasiat ialah pemberian suatu hak yang boleh dilaksanakan selepas berlakunya kematian pewasiat sama ada dengan menggunakan lafaz atau tidak”. (Al-Nawawi, 1985)</p>

HIBAH	WASIAT
<ol style="list-style-type: none"> 1. Suatu akad pemberian milik harta kepada sesuatu pihak. 2. Harta yang boleh dihibah ialah ain harta, bukannya hutang atau manfaat. 3. Akad hibah dibuat tanpa mengenakan sebarang balasan (<i>iwad</i>). 4. Akad hibah berkuat kuasa semasa hidup pemberi hibah. 5. Ia dibuat secara sukarela tanpa paksaan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Wasiat ialah pesan seseorang ketika masih hidup agar hartanya diberikan/disampaikan/diserahkan kepada orang tertentu atau kepada suatu lembaga, yang harus dilaksanakan setelah ia (orang yang berwasiat) meninggal dunia 2. Jumlah yang diwasiatkan tidak lebih dari sepertiga dari harta yang ditinggalkannya

DALIL PENSYARIATAN HIBAH DAN WASIAT

HIBAH	WASIAT
<p style="text-align: center;"> وَآتَى الْمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِ دَوِيِ الْفُرِيَّ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ </p> <p>Maksud : "dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta dan (memerdekaan) hamba sahaya" (Surah al-Baqarah : 177)</p> <p>Dari Abu Hurairah R.A menceritakan Nabi S.A.W. Bersabda,</p> <p style="text-align: center;"><i>كَمَادُوا تَحَابُوا</i></p> <p>Maksud : "hadiyah menghadiahilah kamu, niscaya bertambah kasih sayang sesamamu." (Hadis Riwayat Al Bukhari, No. Hadis 2585)</p>	<p style="text-align: center;"> كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمْ الْمَؤْتُمُ إِنْ تَرَكَ حَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَالَّدَيْنِ وَالْأَقْرَبَيْنَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ </p> <p>Maksud : "Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa." (al-Baqarah : 180)</p> <p>Sebelum turun ayat faraid dan mawaris, wajib wasiat untuk ibu bapa dan kaum keluarga. Ayat ini telah dimansuhkan setelah turun ayat 11 surah al-Nisa dan juga hadis " tidak boleh berwasiat utk waris". Namun dibolehkan untuk waris dengan kadar 1/3 sahaja berdasarkan Hadith Saad Bin Abi Waqas.</p>

KONSEP SEDEKAH & HIBAH

SEDEKAH : suatu pemberian bertujuan untuk mendapat pahala di akhirat dan kebiasaannya dari kaya kepada yang miskin.

HIBAH : pemberian untuk memuliakan seseorang dan biasanya ia ada hubungkait dengan sesuatu perkara.

Setiap sedekah dan hadiah adalah hibah, tetapi bukan semua hibah adalah sedekah dan hadiah. (al-Fiqh al-Manhaji : 6/116)

KELEBIHAN PEMBERIAN ANTARA HIBAH DAN WASIAT

HIBAH	WASIAT
<ol style="list-style-type: none">1. Alternatif serta pelengkap kepada sistem pengagihan harta dalam Islam apabila sistem faraid kurang berfungsi sepenuhnya disebabkan kejahilan waris.2. Dapat merancang lebih awal pewarisan harta untuk tujuan kebaikan.3. Mengelak permusuhan dan menggalakkan kasih sayang.	<ol style="list-style-type: none">1. Wasiat dapat dilaksanakan apabila orang yang berwasiat itu telah meninggal dunia.2. Proses pindah milik wasiat hanya boleh dilakukan selepas kematian pewasiat.3. Harta-harta yang diwasiatkan masih hak milik pewasiat selagi dia masih hidup dan penerima wasiat tiada kuasa hak milik walaupun sedikit.

<p>4. Pemberian semasa hidup yang boleh ditujukan kepada sesiapa yang dikehendaki.</p> <p>5. Tidak dihadkan kepada sekumpulan orang tertentu berbanding faraidh yang memberi hak hanya kepada ahli waris.</p> <p>6. Tiada had dikenakan terhadap kadar jumlah / bahagian berbanding faraidh dan wasiat.</p> <p>7. Memberi peluang golongan muallaf menghibahkan harta kepada keluarga mereka yang bukan Islam bagi tujuan dakwah dan kebaikan.</p>	<p>4. Wasiat hanya sah 1/3 dari harta sahaja. Jika lebih maka perlu kepada persetujuan waris yang lain.</p> <p>5. Islam melarang mewasiatkan keseluruhan harta , namun dibenarkan melalui ‘hibah’ (pemberian).</p> <p>6. Wasiat yang dibuat secara lisan adalah terdedah kepada fitnah jika tidak jelas dan boleh dipertikaikan di kalangan ahli waris.</p>
--	---

KEPENTINGAN PENULISAN WASIAT

Perlantikan “wasi” (وَاصِي)

“**WASI**” ertinya : seseorang yang diamanahkan pelaksanaan sesuatu dan meliputi seseorang yang disifatkan sebagai dilantik menjadi wasi oleh Mahkamah”

- Perlantikan wasi merupakan elemen terpenting dalam penulisan wasiat. Wasi haruslah seorang yang amanah dan adil.
- Tanggungjawab wasi memastikan harta si mati diagihkan secara adil kepada setiap waris yang sah dan layak menerima bahagian mereka.

RUKUN HIBAH & WASIAT

HIBAH	WASIAT
<p>1. PEMBERI HIBAH (AL-WAHIB) الواهب</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Seorang yang berkeahlian seperti sempurna akal, baligh dan rushd. ii. Tuan punya barang yang dihibahkan (berkuasa penuh ke atas barang yang dihibahkan) iii. Tanpa had kadar serta kepada sesiapa yang disukai - termasuk kepada orang bukan Islam, asalkan tidak melanggar hukum syarak. <p>2. PENERIMA HIBAH (AL-MAWHUB LAHU) المؤهّب لَهُ</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sesiapa sahaja asalkan mempunyai keupayaan memiliki harta sama ada mukallaf atau bukan mukallaf. ii. Sekiranya penerima hibah bukan mukallaf (belum akil baligh atau kurang upaya) hibah boleh diberikan kepada walinya 	<p>1. PEMBERI WASIAT (AL-MUSHI) المُؤصى</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pewasiat hendaklah seorang yang mukallaf (baligh dan berakal) ii. Merdeka iii. Dengan pilihan sendiri (tanpa paksa) iv. Pemilik kepada harta yang diwasiatkan. <p>2. PENERIMA WASIAT (AL-MUSHA LAHU) المُؤصى لَهُ</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Penerima wasiat hendaklah diketahui wujud pada masa kematian pewasiat ii. Berkeahlian memiliki harta iii. Bukan waris mengikut pendapat jumhur ulama' (Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali). iv. Boleh terdiri dari golongan fakir miskin, ulamak, masjid, sekolah dan sebagainya yang

atau pemegang amanah bagi pihaknya.	berbentuk umum dan tidak dikhususkan.
-------------------------------------	---------------------------------------

HIBAH	WASIAT
<p>3. BARANG ATAU HARTA YANG DIHIBAHKAN (الموهوب AL MAWHUB)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Halal. ii. Mempunyai nilai di sisi syarak. iii. Milik pemberi hibah. iv. Boleh diserahkan milikkan. v. Benar-benar wujud semasa dihibahkan. Tidak sah hibah barang yang belum ada seperti anak lembu yang masih dalam kandungan atau hibah hasil padi tahun hadapan dan sebagainya. vi. Harta itu tidak bersambung dengan harta pemberi hibah yang tidak boleh dipisahkan seperti pokok-pokok, tanaman dan bangunan yang tidak termasuk tanah. 	<p>4. BARANG YANG DIWASIATKAN (MUSHA BIHI) مُوصَى بِهِ</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sama ada harta alih atau tak alih ii. Manfaat yang bernilai di sisi Syarak iii. Boleh dipindah milik selepas kematian pewasiat <p>3. SIGAH IJAB DAN QABUL و القابض (SERAH & TERIMA)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Qabul atau penerimaan dianggap sah selepas kematian pemberi wasiat ii. Penerimaan wasiat tidak disyaratkan dengan segera apabila kematian pemberi wasiat. iii. Tidak memerlukan penerimaan sekiranya untuk pihak yang umum (rumah kebajikan, sekolah tahfiz atau seumpamanya).

HIBAH	WASIAT
<p>4. SIGHAH IJAB DAN QABUL (SERAH & TERIMA)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. lafaz atau perbuatan mesti membawa makna pemberian dan penerimaan hibah ii. Ada persambungan dan persamaan di antara ijab dan qabul. <p>Contoh Lafaz Ijab Sarih (Terang) : “Aku berikan barang ini kepadamu” atau Contoh Secara Kinayah : “Aku telah menyerahkan hakmilik kepadamu” atau “Aku jadikan barang ini untukmu”.</p> <p>Contoh Lafaz Qabul (Penerimaan) : “aku terima”, “aku redha” dan sebagainya.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mazhab Maliki dan Syafie, penerimaan (qabul) itu mesti diambilkira dalam menentukan sah atau tidaknya sesuatu hibah. • Mazhab Hanafi menganggap bahawa ijab sahaja sudah memadai untuk menentukan sahnya sesuatu hibah. <p>(Wahbah al-Zuhailī : 1986)</p>	<ul style="list-style-type: none"> iv. Pewasiat boleh meletakkan syarat dalam wasiatnya yang tidak menyalahi syarak. v. Sekiranya penerima wasiat meninggal dunia selepas pewasiat tetapi belum sempat menerima atau menolak wasiat tersebut, maka waris boleh menerima atau menolak wasiat tersebut. vi. Boleh berwasiat kepada bayi yang masih dalam kandungan dengan syarat bayi tersebut wujud pada masa wasiat itu dibuat dan bayi itu hendaklah dilahirkan hidup <p>(Al-Jazairi : 1972)</p>

HIKMAH PEMBERIAN HIBAH



Membantu golongan yang memerlukan



Hindar daripada sifat iri hati dan dengki



Melahirkan rasa menghargai dan dihargai



Menimbulkan rasa hormat, kasih sayang dan tolak ansur



Mengelakkan perasaan khianat mengkhianati



Menjamin kehidupan mereka yang terhalang daripada menerima harta pusaka

PERSOALAN TENTANG HIBAH

ADAKAH PEMBERIAN HIBAH BOLEH DITARIK BALIK?

- Suami tidak boleh menarik balik hibah yang diberi kepada isterinya kerana kesan hibah adalah serta-merta. Contoh : maskahwin, hantaran perkahwinan, pakaian dan lain-lain.
- Walau bagaimanapun seorang ayah boleh menarik balik hibah kepada anaknya.
- Jika harta itu terkeluar dari pemilikan anaknya seperti dijual, diwakaf atau dihibah kepada orang lain dan harta itu telah diterima oleh penerima hibah (orang lain), maka hibah berkenaan tidak boleh ditarik balik lagi.

HUKUM PENARIKAN BALIK ATAU PEMBATALAN HIBAH

- **Mazhab Hanafi** : Makruh menarik balik hibah yang telah diberikan. Pemberi Hibah boleh membatalkan hibah tersebut walaupun telah berlaku penyerahan (فَبَضْن), kecuali jika hibah itu dibuat dengan balasan (عَوْض).
- **Mazhab Syafie, Hanbali Dan Sebahagian Fuqaha' Mazhab Maliki** : Boleh berlaku penarikan balik hibah dengan semata-mata lafaz ijab dan qabul.

Jika hibah tersebut disertakan dengan peyerahan dan penerimaan barang maka hibah berkenaan tidak boleh ditarik balik kecuali hibah yang dibuat oleh bapa (termasuk juga ibu, datuk, nenek dan usul yang lain) kepada anak-anaknya.

Sabda Rasulullah s.a.w :

العَائِدُ فِي هِبَّتِهِ كَالْعَائِدِ فِي قَيْمَتِهِ

Maksud : “orang yang menarik balik hibahnya sama seperti anjing yang memakan balik muntahnya”

Hadis riwayat al-Bukhari. No Hadis : 2621

Secara umumnya, para fuqaha’ bersetuju : Harus membatalkan hibah sekiranya dilakukan secara redha meredhai antara pemberi dan penerima hibah atau melalui keputusan hakim. (Wahbah al-Zuhaīlī : 1986), (Muṣṭofā Al-Khin, Muṣṭofā al-Bugha, ‘Alī al-Sharbajī :1992)

KADAR HARTA YANG BOLEH DIHIBAH

Islam tidak menetapkan kadar atau had tertentu bagi harta yang dihibahkan kerana ia merupakan milik pemberi hibah.

Walaupun begitu Islam menggalakkan hibah diberikan secara adil, lebih-lebih lagi jika diberikan kepada anak-anak.

PENDAPAT FUQAHĀ PEMBERIAN HIBAH KEPADA ANAK-ANAK



Jumhur Ulamak (Hanafi, Maliki Dan Syafie) :

SUNAT menyamakan pemberian di antara anak-anak. Pemberian yang lebih kepada salah seorang daripada mereka adalah makruh walaupun pemberian itu sah.



Abu Yusuf :

HARUS melebihkan pemberian kepada sebahagian daripada anak-anak jika ibu bapa tidak berniat menimbulkan bahaya kepada anak-anak yang lain.



Mazhab Hanbali :

WAJIB berlaku adil dalam pemberian hibah kepada anak-anak



Imam Malik :

HARAM memberi hibah semua harta kepada sesetengah anaknya dan tidak kepada yang lain.



Hanafi,Syafie, Maliki Dan Abu Yusuf :

Cara pemberian harta yang adil kepada anak-anak ialah dengan tidak membezakan antara anak lelaki dan anak perempuan.



Sebahagian Hanbali Dan Muhammad Bin Hassan Al-shaybani :

Keadilan dalam pemberian hibah adalah mengikut kadar pembahagian faraidh, iaitu bahagian anak lelaki menyamai dua bahagian anak perempuan.

KESIMPULAN

- Penyusunan penurunan harta yang sempurna kepada waris **amat perlu** kerana Islam amat menitik beratkan masa depan waris yang ditinggalkan agar kehidupan mereka tidak susah dan daif sama ada melalui wasiat atau hibah sebagaimana yang disyariatkan.
- Harta merupakan sesuatu yang sangat bernilai bagi manusia. Jika tidak diurus dengan baik harta boleh membawa kepada pergaduhan dan kerosakan lebih-lebih lagi dalam kalangan keluarga sendiri.
- Pengurusan harta sama ada melalui wasiat atau hibah merupakan salah satu wasilah yang disediakan oleh syarak bagi memenuhi *maqaṣid* penjagaan harta semasa pemilik masih hidup atau pun telah mati.

مُوْعَظَةٌ

IBRAH “BALDATUN
TAYYIBATUN
WA RABBUN AL
GHAFUR”



**IBRAH: BALDATUN
TAYYIBATUN WA RABBUN AL
GHAFUR**

PENDAHULUAN

Allah S.W.T berfirman :

لَقَدْ كَانَ لِسَبَّا فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينِ وَشَمَائِلِ كُلُّوْمِنْ رِزْقٍ
رِتْكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ بِلْدَةً طَيِّبَةً وَرَبُّ غَفُورٌ

Maksud Ayat : Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadanya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun!. (Saba' : 15)

KISAH KEAGUNGAN NEGERI SABA'

Negeri Saba' seperti yang digambarkan dalam surah Saba' dikurniakan Allah S.W.T kemewahan dengan tanah yang subur dan penduduknya hidup aman makmur. (Sekarang di negeri Yaman)

Kemewahan dan kesenangan dikurniakan kepada penduduk Saba' ini ialah hasil daripada ketakwaan kepada Allah S.W.T dan sentiasa berpegang teguh kepada akidah yang tulen.

Kerajaan ini mencapai kegemilangan di abad ke-8 Sebelum Masihi iaitu pada abad pemerintahan Ratu Balqis yang dikaitkan dengan Nabi Sulaiman A.S.

Memiliki wilayah kekuasan yang sangat luas meliputi : seluruh Jazirah Arab bahagian selatan, Laut Merah, Eritrea dan Etiopia Timur di benua Afrika.

Terkenal dengan hasil alam yang melimpah ruah. Terdapat dua kebun di kiri dan kanan yang sangat luas dan diapit oleh dua gunung di wilayah Ma'rib melalui pembinaan empangan. Tanahnya sangat subur, menghasilkan berbagai macam buah dan sayuran.

Kemewahan, kesenangan dan ketaqwaan ini dirakamkan di dalam Al Quran sebagai :

بَلْدَةٌ طَيْبَةٌ وَرَبُّ عَفْوٌ

Maksud : “Negeri Yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun” (Saba' : 15)

Kemewahan hidup yang luar biasa kaum Saba' akhirnya merosakkan keimanan, ketakwaan dan amal salih mereka. Mereka mula mengkufuri nikmat Allah serta engkar kepada ajaran yang disampaikan oleh Nabi Daud a.s.

Lalu Allah S.W.T mendatangkan bencana dengan menjadikan tikus-tikus menebuk lubang pada empangan Ma'rib yang dibina. Empangan Ma'rib runtuh dan menenggelamkan negeri Saba' yang makmur dan kaya raya.


Selepas banjir tanah di Saba' tidak lagi subur kerana dirosakkan oleh pasir, batu dan lumpur gunung. Ia menjadi masam dan berlumpur. Tanah menjadi tandus dan gersang. Pohon-pohon mengeluarkan hasil yang bantut, kecut dan pahit rasanya.

Firman Allah S.W.T :

فَأَعْرِضُوا فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ سَيْلَ الْعَرِيمِ وَبَدَّلْنَا هُنْ بِجَنَّتَيْهِمْ جَنَّتَيْنِ دَوَائِيَ
أُكُلٌ حَمْطٌ وَأَثْلٌ وَشَيْءٌ مِنْ سِدْرٍ قَلِيلٍ

Maksud : “Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang

berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara”(Saba’ : 16)



**EMPANGAN
MA'RIB**

**KOTA
MA'RIB**

DEFINISI

MAKNA “BALDATUN THAYYIBATUN”

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ

1. Negeri yang baik, kerana banyak pohon-pohon, dan buah-buahan yang ranum”. [Tafsir al-Thabari, 19/247]
2. Negeri yang sama sekali tidak pernah terlihat ada nyamuk, lalat, kutu dan haiwan berbisa atau cuaca yang nyaman dan pemandangan yang cantik. [Tafsir Ibnu Kathir, 6/507]

MAKNA “WA RABBUN GHAFUR

وَرَبُّ عَفْوٍ

1. Tuhan yang Maha Pengampun dosa-dosa, kepada hamba yang sentiasa mensyukuri rezeki pemberian-Nya”. [Tafsir Muqatil, 3/529].
2. Tuhan yang Maha Pengampun, kepada hamba yang sentiasa mentaati-Nya”. [Tafsir al Thabari, 19/248].

3. Tuhan yang Maha Pengampun, kepada hamba nya yang mentauhidkan-Nya”. [Tafsir Ibn Kathir, 6/507]

**“BALDATUN THAYYIBATUN WA
RABBUN GHAFUR”**
بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Dapat difahami bahawa “Baldatun Thayyibatun Wa Rabbun Ghafur Bermaksud :

- Sebuah negeri yang mengumpulkan kebaikan alam dan kebaikan perilaku penduduknya yang mengumpulkan kebaikan dunia dan akhirat.
- “Negeri yang baik” iaitu mencakupi seluruh kebaikan alamnya
- “Tuhan Yang Maha Pengampun” mencakupi seluruh kebaikan perilaku penduduknya sehingga mendatangkan ampunan Allah S.W.T

Bagi merealisasikan konsep ‘Baldatun Thayyibatun Wa Rabbun Ghafur’ kita harus mengambil iktibar dari zaman kegemilangan kerajaan Saba’ melalui pandangan iman dan ajaran Islam.

**MAUIZAH : “IBRAH “BALDATUN TAYYIBATUN
WA RABBUN AL GHAFUR”**

Ciri-ciri penting yang dilaksanakan oleh kerajaan Saba' sehingga mendapat pengiktirafan "Baldatun Thayyibatun Wa Rabbun Ghafur" ialah :

Melaksanakan syariat Islam secara syumul atau holistik dalam meletakkan hukum-hakam yang memberi jaminan keamanan dan kemakmuran di dunia dan akhirat.

Mengikut prinsip Maqasid Syariah iaitu menjaga keperluan asasi (dharuriah) meliputi penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Menjamin rakyat sentiasa selamat dan terpelihara maslahah kehidupannya.

Pemimpin yang adil, berani, amanah, berkemampuan, minda tajam, berilmu pengetahuan luas meliputi ilmu dunia dan akhirat dan berkemahiran dalam pentadbiran.

Mempraktikkan syura dan membenarkan penglibatan rakyat dalam proses membuat keputusan dan sistem yang adil kepada semua pihak.

Menghormati prinsip hak persamaan sesama manusia dan semua hak-hak asasi manusia.

HAKIKAT “BALDATUN THAYYIBATUN WA RABBUN GHAFUR”

1. Negeri yang selaras antara kebaikan alam dan kebaikan perilaku penduduknya
2. Negeri yang subur dan makmur, namun tidak lupa untuk bersyukur.
3. Negeri yang seimbang antara kebaikan jasmani dan rohani penduduknya.
4. Negeri yang aman dari musuh baik dari dalam atau dari luar.
5. Negeri yang maju dan seimbang dalam hal ilmu ukhrawi dan ilmu duniawi.
6. Negeri dengan penguasa yang adil dan soleh dan penduduk yang hormat dan patuh.
7. Negeri yang terjalin hubungan yang harmoni antara pemimpin dan masyarakat dan saling menasihati dalam kebenaran dan kesabaran

FAKTOR YANG MENJADI PENYEBAB KEBAIKAN SEBUAH NEGERI

1. Keimanan dan Ketaqwaan Yang Kukuh Kepada Allah S.W.T

Iman dan taqwa merupakan faktor sebuah negeri menjadi berkat, kaya, kuat, dan aman.

Firman Allah S.W.T :

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرْبَىٰ آمَنُوا وَاتَّقُوا

لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَّكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

Maksud : Sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, pasti Kami akan limpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi. (al-A'râf : 96).

Firman Allah S.W.T :

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبِّكُمْ إِنَّهُ كَانَ عَفَارًا ﴿١٠﴾ يُرِسِّلِ السَّمَاءَ

عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا ﴿١١﴾ وَيُمْدِدُكُمْ بِأَمْوَالٍ وَبَيْنَ وَيَجْعَلُ لَكُمْ جَنَّاتٍ

وَيَجْعَلُ لَكُمْ أَهْمَارًا

Maksud :

10. Sehingga Aku berkata (kepada mereka):
Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu,
Sesungguhnya ia Maha Pengampun.

11. (Sekiranya kamu berbuat demikian), ia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah, kepada kamu;
12. Dan ia akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan ia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya). (Nuh :10-12)

Menjadi tanggungjawab kita berusaha mewujudkan Masyarakat yang yang menjunjung tinggi nilai tauhid serta tidak membiarkan atau berdiam diri terjadinya perbuatan syirik di mana pun tempatnya dan apa keadaan sekali pun.

2. Mengikut Petunjuk Rasul

Perkara yang menzahirkan kecintaan kepada Nabi S.A.W ialah seperti berikut :

1. Mencintai Nabi S.A.W sepermata kecintaan kepada Allah S.W.T yang melebihi kecintaan kepada diri sendiri.
2. Mentaati segala perintah dan ajaran yang dibawa baginda Nabi S.A.W.
3. Menahan diri daripada mengingkari dan melanggar syariat Nabi S.A.W.

4. Mempraktikan amalan sunnah dalam kehidupan sehari-hari.
5. Sentiasa melafazkan selawat kepada Baginda Nabi S.A.W.

Firman Allah S.W.T :

وَمَا أَتَاكُمُ الرَّسُولُ فَحْذِرُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَإِنَّهُوَ أَنْعَمُوا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ

شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksud : Apa saja yang dibawa Rasul kepada kamu, terimalah; apa saja yang dilarangnya ke atas kamu, tinggalkanlah; dan bertakwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat keras hukuman-Nya. (al-Hasyr :7).

Firman Allah S.W.T:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ

Tidaklah kami utuskan engkau (Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam. (al-Anbiyâ’: 107)

Dalam ayat lain Allah S.W.T berfirman:

فُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَأَتَيْنَاهُنِي يُحِبِّكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ
وَاللَّهُ عَفُورٌ رَّحِيمٌ

Katakanlah (Muhammad): “Jika kamu mencintai Allah, maka ikutilah aku! (Dan Jika kamu mengikutinya), maka Allah mencintai kamu dan mengampuni dosa kamu”.(Ali-Imran :31)

3. Berpegang teguh kepada ‘syariat Allah’ dan tidak mengikut fahaman yang menyesatkan

Berpegang teguh kepada Syariat Allah ialah :

1. Berpegang teguh dengan ajaran Al Quran sebagai sumber syariat Islam
2. Istiqamah beramal dengan Ajaran Al Quran dan Al Sunnah
3. Berpegang pada prinsip Maqasid al Syariah - demi menjaga Agama, Akal, Nyawa, Keturunan dan Harta
4. Menolak fahaman yang menyesatkan
5. Menjunjung prinsip keadilan.

Firman Allah S.W.T :

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَنْوَرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّسِعْ أَهْوَاءَ
الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksud : Kemudian kami jadikan kamu berada di atas suatu syariat (peraturan) dari urusan (agama itu), maka ikutilah syariat itu dan

janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui. (Al-Jasiyah :18).

3. Memelihara Persaudaraan (Ukhuwwah Islamiah)

Firman Allah S.W.T:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْنِكُمْ ۝ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْكَمُونَ

Orang-orang beriman itu sesungguhnya bersaudara. Maka damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan takutlah terhadap Allah supaya kamu mendapat rahmat. (Al-Hujurat :10).

Sabda Nabi S.A.W :

الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ گَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا

Maksud : “Seorang mukmin itu bagi orang mukmin yang lain (sesama mukmin) bagaikan sebuah bangunan yang saling menguatkan satu bahagian dengan bahagian yang lain.” (Hadis Riwayat Al Bukhari, No. Hadis : 6026)

4. Tolong Menolong Dalam Kebaikan dan Taqwa Bukan Permusuhan

Tolong menolong dalam kebaikan dan taqwa adalah syarat yang penting untuk mendapat keredaan Allah S.W.T yang akan menghasilkan keamanan dan keberkatan dalam sesebuah negara dan juga rakyatnya.

Firman Allah S.W.T :

وَتَعَاوُنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۝ وَلَا تَعَاوُنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُوانِ
وَاتَّهُوا اللَّهَ ۝ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksud : Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya. (Al-Maidah :2)

Sabda Rasulullah S.A.W :

اَنْصُرُ اَخَاهُكَ طَالِمًا اُوْ مَظْلُومًا مَا قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ هَذَا نَنْصُرُهُ مَظْلُومًا
فَكَيْفَ نَنْصُرُهُ طَالِمًا قَالَ تَأْخُذُ فَوْقَ يَدِيهِ

Maksud : Bantulah saudaramu, baik dalam keadaan sedang berbuat zalim atau sedang teraniaya. Ada yang bertanya: “Wahai Rasulullah, kami akan

menolong orang yang teraniaya. Bagaimana menolong orang yang sedang berbuat zalim?” Beliau menjawab: “Dengan menghalangnya melakukan kezaliman. Itulah bentuk bantuan kamu kepadanya.” (Hadis Riwayat al-Bukhâri, No. Hadis : 2444)

5. Saling Nasihat Menasihati Dengan Kebenaran dan Kesabaran

Nasihat menasihati adalah fitrah diperlukan oleh jiwa manusia. Orang yang dinasihati perlu merasa beruntung dan bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada orang yang menasihati. Sentiasa mananamkan sifat sabar dalam usaha dakwah dan menyerahkan hidayah dan petunjuk milik Allah S.W.T.

Rasulullah S.A.W. bersabda :

الْمُؤْمِنُ مِرَآةُ أَخِيهِ، إِذَا رَأَى فِيهِ عَيْنًا أَصْلَحَهُ

Maksud : “Seorang mukmin adalah cermin bagi mukmin yang lain. Apabila melihat aib padanya dia segera memperbaikinya.” (Hadis Riwayat al Tirmizi, No. Hadis : 1926)

Firman Allah S.W.T :

كُنْتُمْ حَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Maksud : Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah (A'li Imran : 109)

TANDA KURNIAAN RAHMAT ALLAH S.W.T TERHADAP NEGERI BALDATUN TAYYIBAH WA RABBUN GHAFUR

1. Kemuliaan akhlak & peribadi masyarakat

- Saling menghormati, saling membantu, gotong-royong, saling menasihati dan mengingatkan dan lain-lain
- Berusaha sedaya upaya menjauhi akhlak dan moral yang buruk dan tercela.

2. Sifat amanah terpasak kukuh

- Masyarakat yang benar-benar menjalankan kewajiban dengan baik. Tiada penyelewengan, rasuah, pengkhianatan dan lain-lain.

3. Keseimbangan antara kepentingan dunia dan akhirat

- Kehidupan yang seimbang dengan menjadikan kehidupan dunia jambatan ke akhirat.
- Keseimbangan dari sudut Rohani dan Jasmani

4. Keadilan Pemimpin

- Pemimpin yang adil dalam menjalankan amanah kepemimpinannya serta taat kepada Allah dan Rasul.



Firman Allah S.W.T :

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمْمَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعُدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمًا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بِصَرِيرًا

Maksud : “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan **amanat** kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan ADIL. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.” (An-Nisa’ : 58)

5. Masyarakat yang taat kepada pemimpin

Firman Allah S.W.T :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مِنْكُمْ ۝
فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ

Maksud : “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya.....” (An-Nisa’ : 59)

Sabda Rasulullah S.A.W :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمِنْ :
بِعَصْبَيْهِ فَإِذَا أُمِرَ بِعَصْبَيْهِ فَلَا سَمْعٌ وَلَا طَاعَةٌ

Maksud: “Hendaklah kamu dengar dan taat kepada orang Muslim (yang menjadi ketua kamu) dalam perkara yang kamu suka atau tidak suka, selama mana ia tidak menyuruh melakukan maksiat, bila ia menyuruh melakukan maksiat maka kamu tidak boleh tunduk dan patuh”. (Hadis Riwayat Bukhari no. Hadis : 7144)

KESIMPULAN

1. “Baldatun Thayyibatun Wa Rabbun Ghafur” adalah negeri yang mengumpulkan kebaikan alam dan kebaikan akhlak penduduknya serta kebaikan dunia dan akhirat.

2. Pentingnya syariat agama untuk kehidupan manusia baik untuk hal kehidupan peribadi atau kehidupan bermasyarakat dan bernegara
3. Faktor penyebab kebaikan sebuah negeri bukan hanya dipandang dari sisi dunia, tetapi harus dipandang dari sisi agama. Sisi inilah yang sering dilupakan oleh kebanyakan manusia.
4. Berpegang teguh dengan ‘Tali Allah’ dan tidak mengikuti fahaman yang sesat dan menyesatkan.



جامعة
Teknologi
MARA

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Hal Ehwal Islam